

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kandungan nilai yang terdapat dalam teks Komponen Kesusasteraan Melayu (KKM) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu genre drama yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah. Pengelasan kepada nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan adalah selaras dengan citra insan yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bertujuan untuk menghasilkan individu yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 7). Sehubungan itu, pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu diharapkan dapat memberi sokongan kepada usaha-usaha pembangunan insan melalui karya-karya sastra yang terpilih sebagai teks wajib bagi semua pelajar sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000a: vi).

Bahasa dan sastra saling berkait. Jalinan hubungan di antara kedua-duanya adalah saling memerlukan (Marohaini Yusoff, 2000: 2). Kesusasteraan adalah karya bahasa yang menyatakan pengalaman dan perasaan manusia, dan di dalamnya terkandung gambaran nilai tentang hidup dan kehidupan, tentang baik dan buruk, tentang benar dan salah, tentang nasionalisme serta kecintaan terhadap tamadun dan bangsa (Sahlan Mohd. Saman, 1996). Dengan mengenali dan memahami hasil karya

kesusasteraan, seseorang pelajar itu akan dapat memahami manusia dan seterusnya memungkinan penyerapan sistem nilai yang dapat mengimbangkan pertumbuhan jasmani dan rohani.

Pengajaran dan pembelajaran sastera menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu telah lama diamalkan di negara kita. Pada tahun 1984, pengajaran unsur sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu pada peringkat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dengan peruntukan satu waktu daripada enam waktu pembelajaran seminggu telah diperkenalkan. Melalui pengajaran unsur sastera ini diharapkan dapat memupuk minat membaca serta merangsang pelajar untuk memberi pelbagai tindak balas terhadap bahan yang dibaca dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, penggunaan bahan sastera juga menekankan penerapan unsur dan nilai kemanusiaan secara menyeluruh, dan keindahan sastera di samping mempelajari aspek-aspek kesusasteraan. Dengan yang demikian, sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu akan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kesedaran, keperibadian dan berpegang kepada nilai sebagai rakyat Malaysia.

Pengajaran dan pembelajaran unsur sastera ditekankan untuk memberi perhatian terhadap aspek isi dan estetika yang sesuai dengan pelajar dari segi kemampuan mereka dan juga unsur pendidikan yang hendak disampaikan. Dengan cara itu, pelajar bukan sahaja dapat menikmati bentuk, tetapi juga dapat menjiwai nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang terdapat dalam sesebuah karya yang akan mempengaruhi perkembangan peribadi mereka. Hal ini memberi pengertian bahawa karya sastera yang dipilih bukanlah kerana mutunya semata-mata, tetapi juga kerana kesesuaiannya dengan

pelajar, iaitu kerana wujudnya unsur pendidikan di sisi unsur sastera (Rahman Shaari, 1987).

Namun demikian, setelah lebih lima belas tahun pelaksanaan pengajaran unsur sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu masih ada hambatan-hambatan besar dalam pencapaian matlamatnya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1995 dan 1998 didapati pelaksanaan pengajaran unsur sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu kurang berkesan (Kamaruzzaman Abdullah, 2000: 2). Oleh sebab kurangnya keberkesanan pengajaran unsur sastera, maka KKM telah diperkenalkan mulai Mac, 2000 bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 bagi menggantikan pengajaran unsur sastera. Semua pelajar wajib mempelajari KKM dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan Bahasa Melayu bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca di kalangan pelajar, serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, pengajaran Kesusasteraan Melayu diharap dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi pelajar, serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b). Tegasnya, dengan mempelajari Kesusasteraan Melayu pelajar bukan sahaja mengisi keperluan kognitifnya, tetapi lebih banyak mengisi keperluan afektif bagi mengimbangi keperluan pembinaan insan yang seimbang dan sepadu.

Peruntukan dua waktu bagi KKM daripada enam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu seminggu berbanding dengan satu waktu seminggu sebelumnya dalam pengajaran unsur sastra akan dapat memberi ruang yang lebih luas bagi memenuhi hasrat FPK untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Oleh kerana pelaksanaan KKM dalam mata pelajaran Bahasa Melayu hanya baru diperkenalkan pada tahun 2000, belum ada sebarang kajian yang khusus dan mendalam bagi meneliti dan menganalisis keberadaan nilai yang terdapat dalam teks yang digunakan dalam memenuhi hasrat yang diinginkan oleh FPK. Dengan yang demikian, kajian ini berusaha ke arah itu.

## **1.1 PERNYATAAN MASALAH**

Pembentukan dan pembangunan sistem pendidikan negara selepas kemerdekaan adalah berasaskan kepada Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960). Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan mengamalkan pelbagai bahasa, ajaran agama, budaya dan kepercayaan hidup, maka matlamat pembangunan pendidikan pada ketika itu khususnya adalah untuk mencapai perpaduan negara dan penghasilan tenaga kerja yang mahir (Omar Mohd. Hashim, 1999: 72).

Pada peringkat awal kemerdekaan, langkah-langkah untuk membangunkan ekonomi sangat ketara. Sistem pendidikan telah digerakkan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang ini. Walaupun faktor-faktor perpaduan, golongan tenaga



kerja mahir serta masyarakat yang berdisiplin merupakan matlamat pembangunan negara, namun ia telah dianggap sebagai matlamat yang bercorak makro di peringkat pembangunan sosio ekonomi negara secara keseluruhan. Ketiga-tiga matlamat ini tidak tergambar pada sifat-sifat mikro di peringkat pembangunan personaliti dan psiko sosial dan ciri-ciri teras mengenai rupa bentuk dan watak individu yang hendak dihasilkan, khususnya daripada segi sahsiah yang merangkumi aspek-aspek sikap, nilai, perlakuan, pegangan dan falsafah hidupnya (Hussein Ahmad, 1991: 41). Hal ini menjejaskan proses menyatupadukan rakyat berbilang kaum yang terdapat di negara ini.

Apabila berlaku peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, usaha ke arah mewujudkan perpaduan rakyat menjadi mendesak. Rukunegara telah dilancarkan pada tahun 1970 di mana nilai-nilai yang mendasari ideologi ini dijadikan asas kepada pembinaan negara serta rupa bentuk warganegara dalam mengharungi hala tuju perubahan negara. Dengan yang demikian, adalah diharapkan semua rakyat Malaysia akan memiliki satu sistem nilai yang berasaskan persetujuan bersama (Ghazali Shafie, 1978: 175).

Di sekolah, mata pelajaran sivik sebagai satu mata pelajaran wajib tanpa peperiksaan telah diperkenalkan yang bertujuan untuk mengajar pelajar tentang kehidupan bermasyarakat serta hak dan tanggung jawab warganegara. Namun demikian, dalam sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan, mata pelajaran sivik tidak diberi perhatian yang serius oleh kebanyakan sekolah. Dalam masa yang sama nilai-nilai budaya kuning, penyalahgunaan dadah dan demonstrasi-demonstrasi jalanan telah mula menular di negara ini. Kebimbangan ini juga telah disuarakan

melalui akhbar-akhbar tempatan yang menegaskan bahawa pembelajaran di sekolah hendaklah dikaitkan secara langsung dengan kehidupan di luar sekolah; pembelajaran formal di sekolah hendaklah berterusan dengan dunia di luar sekolah; dan sekolah adalah bertanggung jawab untuk membentuk bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran untuk tujuan pekerjaan semata-mata tetapi juga kemahiran-kemahiran yang boleh membimbing perkembangan kematangan moral dan ahli masyarakat yang bertanggung-jawab (Hena Mukherjee, 1988: 151).

Keadaan-keadaan ini telah mendorong kerajaan untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Sebuah jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran telah ditubuhkan pada tahun 1974 dan laporannya telah diterbitkan pada tahun 1979. Jawatankuasa ini telah mengkaji segala aspek pelaksanaan, khususnya kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah. Di samping meneliti kemampuan sistem pendidikan untuk melahirkan rakyat yang bersatu padu, terlatih dan berdisiplin, jawatankuasa ini sangat prihatin terhadap masalah pendidikan akhlak atau pendidikan moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990: 18).

Hal ini terakam melalui perakuan-perakuan yang dikemukakan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) yang menggambarkan dengan jelas bentuk individu unggul yang ingin diwujudkan melalui sistem pendidikan kebangsaan. Jawatankuasa ini menegaskan:

Untuk kepentingan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu juga dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap, mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1988: 227).

Laporan Kabinet tersebut dengan jelas menyatakan bahawa pendidikan bukan hanya tertumpu kepada penghasilan tenaga manusia semata-mata. Peranan pendidikan juga perlu mengutamakan pembentukan individu yang mempunyai peribadi yang seimbang. Hal ini bermakna, peranan pendidikan adalah bagi pembangunan negara dan juga memenuhi keperluan pembangunan kemanusiaan.

Laporan Kabinet juga mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menubuhkan jentera bagi merangka program Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar bukan Islam, di samping mata pelajaran Agama bagi pelajar-pelajar Islam. Pelajaran Pendidikan Moral akan dijalankan semasa pelajar-pelajar Islam mengikuti pelajaran Agama. Oleh kerana mata pelajaran Agama adalah suatu mata pelajaran yang ada peperiksaan, jawatankuasa ini mencadangkan agar mata pelajaran Pendidikan Moral juga diadakan peperiksaan (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1988: 72).

Ekoran daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet ini, reformasi pendidikan telah diadakan. Perubahan radikal ini telah menjadikan "manusia" sebagai fokus yang utama. Justeru itu, usaha untuk menyatakan Falsafah Pendidikan Negara (kini Falsafah

Pendidikan Kebangsaan) secara tersurat menjadi sangat perlu dan mustahak. Walau bagaimanapun, hanya pada tahun 1988 setelah bertahun-tahun meneliti dan membahas oleh pelbagai pihak, Falsafah Pendidikan Negara telah diisytiharkan secara rasmi seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 7)

Dengan wujudnya falsafah pendidikan tersebut telah memberikan hala tuju kepada corak pendidikan dan kurikulum yang dihasratkan. Keseluruhan proses pendidikan diasaskan kepada falsafah tersebut. Penegasan kepada ciri berakhlak mulia dan murni adalah merupakan unsur yang terpenting. Peribadi pelajar yang hendak dibentuk melalui pendidikan menjadi jelas.

Kurikulum sekolah rendah dan menengah turut dipinda bagi menjawab pelbagai persoalan yang timbul. Kurikulum Baru Sekolah Rendah (kini Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) telah diperkenalkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1983 dan seterusnya pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988.

Kurikulum Baru Sekolah Rendah memberi penekanan kepada kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira, dan memastikan perkembangan murid-murid berlaku secara menyeluruh yang meliputi aspek-aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai-nilai estetika dan sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1983).

Untuk mengukuhkan usaha yang telah dijalankan di peringkat sekolah rendah, Kementerian Pendidikan memutuskan untuk menggunakan strategi bersepadu di peringkat menengah. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua mata pelajaran yang diajarkan tidak terpisah di antara satu sama lain, malahan ianya berkaitan dan bersifat bersepadu. Unsur utama yang akan digunakan untuk mewujudkan kesepaduan itu ialah unsur nilai:

Kementerian Pendidikan memutuskan untuk menggunakan strategi bersepadu di peringkat menengah bertujuan untuk memastikan bahawa semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah di antara satu sama lain, malah berkaitan dan bersifat bersepadu. Unsur utama yang akan digunakan untuk mewujudkan kesepaduan itu ialah unsur nilai.

(Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, 1993: 183)

Intipati kepada konsep kesepaduan ini merujuk kepada kejadian insan itu sendiri. Pada hakikatnya insan merupakan kejadian yang sepadu, iaitu gabungan di antara rohani dan jasmani. Dari perspektif pendidikan pula, ia merujuk kepada tiga dimensi utama insan iaitu rohani, intelek dan jasmani. Berdasarkan hakikat ini, maka pembangunan diri insan perlu dilakukan dengan cara bersepadu (Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, 1993: 13). Tegasnya, pendekatan bersepadu merujuk kepada penjalinan dan pengadunan

unsur-unsur ilmu dan kemahiran di satu pihak dengan nilai-nilai murni dan bahasa di satu pihak yang lain.

Penegasan kepada nilai-nilai murni telah diberikan tumpuan khas dan komponen nilai-nilai murni telah dinyatakan dengan jelas di dalam kurikulum. Konsep nilai-nilai murni merentas kurikulum telah diperkenalkan di mana nilai-nilai murni diserapkan dalam semua mata pelajaran yang diajar bagi tujuan memperkukuhkan pengajaran serta penerapan nilai-nilai tersebut. Pada masa yang sama, mata pelajaran Pendidikan Islam diajarkan kepada pelajar-pelajar Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar-pelajar bukan Islam.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan tidak lagi dapat membiarkan usaha penerapan nilai bergantung kepada keadaan kerana ramai yang akan mengabaikannya. Oleh itu, dalam usaha untuk menjamin kejayaan cita-cita ini langkah yang komprehensif dan disengajakan perlu dijalankan. Kementerian Pendidikan berharap melalui rancangan ini perkembangan yang menyeluruh dan bersepadu akan dapat melahirkan individu yang bijak menyesuaikan diri dalam masyarakat dan seterusnya dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Berdasarkan premis di atas, kajian ini akan membuat penelitian terhadap unsur nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks KKM genre drama peringkat sekolah menengah. Pemilihan teks sastera adalah bersandarkan kepada pendapat ramai sarjana sastera tanah air di antaranya, Keris Mas (1976), Abdul Rahman Napiah (1987, 2000),

Shahnon Ahmad (1991, 1994), Mohd. Affandi Hassan (1992), Misran Rokimin (1999) dan Md. Salleh Yaapar (2001) bahawa sastera menekankan penerapan unsur dan nilai kemanusiaan yang mempunyai peranan yang sangat besar dalam pembangunan insan dan masyarakat secara keseluruhannya.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kecenderungan teks KKM genre drama (selepas ini disebut sebagai teks drama sahaja) dalam menerapkan nilai-nilai murni dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Melalui analisis yang dijalankan, pengkaji memberi satu gambaran mengenai nilai-nilai tersebut yang terdapat dalam teks drama yang dikaji.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- 1) mendapat gambaran tentang penampilan nilai-nilai yang terdapat dalam teks drama yang dikaji.
- 2) mengenal pasti jenis dan kategori nilai yang terdapat dalam teks drama yang dikaji.
- 3) mengenal pasti kekerapan dan peratus setiap jenis dan kategori nilai yang terdapat dalam teks drama yang dikaji bagi setiap tingkatan persekolahan.
- 4) melihat keselarasan nilai-nilai dalam teks drama yang dikaji dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

- 5) melihat kesesuaian teks drama yang dikaji sebagai bahan sumber pengajaran dan pembelajaran dalam membentuk akhlak pelajar.

### **1.3 SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian yang telah dikemukakan, kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- 1) Apakah jenis dan kategori nilai yang ditampilkan dalam teks drama yang dikaji mengikut tingkatan persekolahan?
- 2) Bagaimanakah kekerapan dan peratus penampilan nilai mengikut jenis, kategori dan tingkatan persekolahan dalam teks drama yang dikaji?
- 3) Sejauh manakah penampilan nilai-nilai dalam teks drama yang dikaji dapat memenuhi hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
- 4) Sejauh manakah kesesuaian teks drama yang dikaji sebagai bahan sumber pengajaran dan pembelajaran dalam menerapkan nilai-nilai murni?

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Menurut Altbach (1983) buku teks adalah penting dalam memelihara kualiti dan hala tuju kurikulum serta merupakan salah satu faktor penting yang menentukan



keberkesanan kurikulum yang digubal. Buku teks yang bermutu akan dapat membangun dan menjayakan sesuatu rancangan pendidikan itu.

Di negara kita, buku teks ditentukan secara berpusat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Hussein Ahmad (1985:1), penetapan buku teks secara berpusat ini mempunyai implikasi yang amat mendalam dari segi matlamat pembentukan watak individu generasi akan datang. Memandangkan semua pelajar menggunakan buku teks yang sama, maka buku teks telah menjadi sumber rujukan utama mengenai punca pengetahuan kepada pelajar-pelajar di negara ini. Oleh itu, pemilihan buku teks yang sesuai sebagai penyalur ilmu dan landasan kepada pembentukan watak dan sahsiah pelajar-pelajar adalah penting dan perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Dalam pendidikan kesusasteraan, sumber utama pengajaran dan pembelajarannya adalah teks sastera itu sendiri (Misran Rokiman, 1999: 65). Teks sastera memainkan peranan bagi menyalurkan maklumat, objektif serta hasrat yang terkandung dalam kurikulum yang digubal. Bahan-bahan di dalam teks sastera yang dipilih itu haruslah saling berkait dan bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan semasa. Oleh hal yang demikian, aspek pemilihan bahan haruslah berlandaskan kriteria yang mantap dan selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bahan-bahan yang tidak memenuhi tahap piawaian ciri dan fungsi kesusasteraan secara tidak langsung akan menjejaskan mutu pendidikan kesusasteraan (Abdul Jalil Othman, 1999: 74).

Pemilihan buku teks yang tidak bermutu atau yang mengandungi pengajaran yang negatif akan mengakibatkan pengajaran dan pendidikan kesusasteraan menjadi beku, membantut perkembangan pemikiran yang kritis dan penanaman nilai yang murni, menjemu dan membosankan, dan lebih dari segala-galanya ialah pelajaran sastera itu tidak akan mendatangkan kesan keindahan yang kekal (Mohd. Affandi Hassan, 1992: 4).

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, kajian ini akan cuba melihat sejauh manakah teks drama yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dapat memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dan objektif pembelajaran Kesusasteraan Melayu dari aspek penerapan nilai-nilai dan implikasinya terhadap pembentukan generasi pelajar yang seimbang. Di samping itu, hasil kajian ini akan dapat dijadikan panduan bagi pihak panel pemilihan buku teks sastera Kesusasteraan Melayu pada masa-masa akan datang.

## **1.5 BATASAN KAJIAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000c) telah menetapkan bilangan teks Kesusasteraan Melayu bagi setiap tingkatan seperti berikut:

- a. Satu novel daripada pilihan empat judul yang ditetapkan. Seorang pelajar hanya wajib membaca dan mempelajari satu novel sahaja bagi setiap tingkatan.
- b. Satu teks antologi yang mengandungi enam cerpen, tiga drama, enam puisi moden (sajak), enam puisi tradisional dan empat prosa tradisional.

Perincian teks sastera tersebut mengikut genre, tajuk dan tingkatan persekolahan dilampirkan di bahagian akhir tesis ini sebagai Lampiran A.

Kajian ini hanya dibataskan kepada genre drama sahaja. Dengan memilih satu genre sahaja, aspek penerapan nilai dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 akan dapat dijalankan kajian secara lebih mendalam bagi mendapatkan satu gambaran yang menyeluruh tentangnya. Genre drama dipilih kerana drama mempunyai keistimewaan dan kekuatan yang tersendiri yang tidak terdapat dalam genre sastera yang lain. Dalam drama boleh dimuatkan genre sastera yang lain seperti puisi dan sajak. Drama juga boleh menjadi pengukuh kepada genre sastera yang lain seperti novel atau cerpen di mana peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam novel dan cerpen itu boleh didramakan. Selain itu, drama dapat memberi gambaran yang jelas tentang realiti kehidupan kerana drama biasanya memaparkan perkara-perkara yang dilalui oleh manusia dalam kehidupan sehariannya.

Senarai teks drama yang digunakan sebagai bahan kajian ini adalah seperti berikut:

## Tajuk drama

## Penulis

### Tingkatan Satu

- |    |                         |   |               |
|----|-------------------------|---|---------------|
| 1. | Baju Emas Sang Maharaja | - | Johan Jaaffar |
| 2. | Bila Retak Kota Melaka  | - | Aziz Jahpin   |
| 3. | Jerat                   | - | Ria Asmira    |

### Tingkatan Dua

- |    |                 |   |                  |
|----|-----------------|---|------------------|
| 1. | Penunggu Pusaka | - | Zakaria Ariffin  |
| 2. | Angin           | - | Baharuddin Razak |
| 3. | Buyung          | - | Jahara Alias     |

### Tingkatan Tiga

- |    |                     |   |                    |
|----|---------------------|---|--------------------|
| 1. | Asar Belum Berakhir | - | A. Rahim Abdullah  |
| 2. | Adik Berjasa        | - | A. Rahman Hanafiah |
| 3. | Jalan Sempit        | - | Amelia Hashim      |

### Tingkatan Empat

- |    |                        |   |                 |
|----|------------------------|---|-----------------|
| 1. | Serunai Malam          | - | Usman Awang     |
| 2. | Titik-titik Perjuangan | - | Kala Dewata     |
| 3. | Seri Nara              | - | Shahrom Hussain |

### Tingkatan Lima

- |    |                        |   |                 |
|----|------------------------|---|-----------------|
| 1. | Jangan Bunuh Rama-rama | - | Noordin Hassan  |
| 2. | Puteri Li Po           | - | Rahmah Bujang   |
| 3. | Kerusi                 | - | Hatta Azad Khan |

## 1.6 KAEDAH KAJIAN

Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menentukan penampilan nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks drama yang dikaji. Kajian deskriptif merupakan kajian yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd. Majid Konting, 1990: 96). Manakala kaedah analisis kandungan menurut Berelson (1952) ialah:

*“Content analysis is a research technique for the objective, systematic, and quantitative description of the manifest content of communication.”*

(Bernard Berelson, 1952: 18)

Berdasarkan definisi di atas, tiga keperluan yang diutarakan oleh Berelson apabila menggunakan kaedah ini ialah objektif, sistematik dan kuantitatif.

Objektiviti merujuk bahawa proses kajian yang dijalankan hendaklah berdasarkan peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang dinyatakan secara eksplisit. Penekanan kajian hendaklah tentang kandungan teks, dan pegangan nilai serta kepercayaan pengkaji tidak boleh mempengaruhi keputusan kajian. Dengan objektiviti ini juga bermakna kategori-kategori yang dianalisis hendaklah ditakrifkan secara tepat di mana pengkaji yang lain apabila menggunakannya pada kandungan teks yang sama akan menghasilkan keputusan yang sama.

Sistematik bermakna pencerakinan kategori-kategori kandungan teks yang dikaji hendaklah direka bentuk untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan soalan-

soalan kajian. Keputusan sesuatu analisis kandungan itu mestilah mempunyai suatu ukuran dengan aplikasi umum. Dengan perkataan lain, sistematik merupakan satu usaha untuk melihat permasalahan kajian dengan suatu ketetapan yang telah ditentukan mengikut cara yang teratur.

Kuantitatif merupakan penentuan takat di mana kategori-kategori yang dianalisis wujud dalam kandungan yang dikaji menggunakan frekuensi. Keperluan kuantitatif tidak semestinya memerlukan penentuan nilai dalam bentuk angka tetapi juga dalam bentuk perkataan-perkataan kuantitatif seperti “lebih” atau “selalu” atau “kerap” (Bernard Berelson, 1952: 17).

Namun demikian, bermula dari tahun tujuh puluhan para sarjana yang menggunakan kaedah ini telah cuba memasukkan unsur-unsur kualitatif dalam pengkajian mereka. Dengan cara yang sedemikian, sesuatu kajian itu bukan hanya memberi gambaran deskriptif tentang kandungan sesuatu teks yang dikaji, tetapi juga memberi pengertian berkaitan dengan data-data yang diperolehi (Sankaran Ramanathan, 1997: 302).

Dalam konteks kajian ini, kaedah analisis kandungan digunakan untuk memberi gambaran tentang kandungan nilai dalam teks drama yang dikaji dalam usaha untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditentukan.

## **1.7 PROSEDUR KAJIAN**

Prosedur kajian melibatkan perkara-perkara yang berikut:

1. Pemahaman dan Perancangan Konsep Kajian.
2. Pembentukan Kategori
3. Merekod dan Kuantifikasi Data
4. Analisis dan Interpretasi Data

### **1.7.1 Pemahaman dan Perancangan Konsep Kajian**

Kajian ini melibatkan pembacaan pelbagai bahan penerbitan dan penelitian terhadap isu-isu dalam sistem pendidikan kebangsaan, khususnya pendidikan Bahasa Melayu. Melalui pembacaan dan penelitian ini, permasalahan kajian dikenal pasti. Subjek kajian ini ialah teks drama Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah. Pada masa yang sama, objektif, soalan dan kaedah untuk menjalankan kajian ditentukan.

### **1.7.2 Pembentukan Kategori**

Kategori-kategori adalah klasifikasi data bahan kajian yang ditakrifkan secara eksplisit untuk dianalisis. Satu set kategori merupakan suatu skema konseptual dan berhubungan dengan permasalahan serta teori kajian yang diasaskan. Kategori-kategori yang dibentuk hendaklah memenuhi tiga keperluan asas iaitu sesuai dengan keperluan kajian dalam usaha untuk menjawab soalan-soalan kajian, lengkap dan saling eksklusif (Richard W. Budd *et al.*, 1967: 39).

Kategori-kategori dalam kajian ini ialah pencerakinan semua nilai dan unsur-unsur komponennya yang terdapat dalam teks drama yang dikaji. Hal ini bermakna semua nilai yang dikenal pasti dikumpul dan dicerakinkan mengikut kategori berdasarkan penggolongan jenisnya. Penggolongan sesuatu nilai itu kepada jenisnya yang tertentu adalah mengikut konteks di mana nilai itu ditampilkan. Setiap kategori nilai diberikan penjelasan secara eksplisit. Pemerincian ini membolehkan sesuatu nilai itu ditentukan kategorinya dengan jelas dan tepat, dan dengan yang demikian mudah untuk dikuantifikasi.

### **1.7.3 Merekod dan Kuantifikasi Data**

Dalam menentukan cara mengekod, analisis tema digunakan untuk mengenal pasti sesuatu nilai itu. Tema ialah satu pernyataan tentang perkara yang dianalisis (Ole R. Holsti, 1969: 116).



Kesemua 15 buah teks drama dibaca dan setiap nilai yang dikenal pasti direkod di bawah jenis dan kategori yang berkaitan menggunakan frekuensi secara berasingan bagi setiap tajuk drama.

Kehadiran sesuatu nilai itu boleh dikenal pasti secara langsung seperti yang ternyata dalam teks drama atau secara tidak langsung melalui satu atau beberapa pernyataan yang merujuk kepada sesuatu nilai tertentu. Hal ini bermakna sesuatu nilai itu boleh dikenal pasti melalui satu ayat atau beberapa ayat. Selain itu, beberapa nilai juga boleh didapati melalui satu ayat dalam teks drama yang dikaji.

#### **1.7.4 Analisis dan Interpretasi Data**

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan taburan frekuensi dan peratusan. Interpretasi daripada data yang diperolehi digunakan sebagai inferen bagi menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditentukan.

### **1.8 KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN**

Kebolehpercayaan dicapai apabila keputusan yang sama diperolehi kalau diuji berkali-kali ke atas sampel yang sama dengan menggunakan instrumen yang sama (Ole Holsti, 1967 : 135). Semakin kecil perbezaan keputusan yang diperolehi daripada ujian-

ujian yang dijalankan menggunakan instrumen yang sama, semakin tinggi kebolehppercayaan sesuatu instrumen itu.

Untuk mendapatkan kebolehppercayaan kajian ini, pengkaji telah memberikan senarai awal kategori nilai yang telah dibentuk kepada tiga orang pensyarah Kesusasteraan Melayu di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka. Mereka diberi penerangan terperinci tentang tatacara untuk menganalisis nilai yang terdapat dalam teks drama yang dikaji. Nilai-nilai yang dikenalpasti dalam setiap drama direkodkan di bawah jenis dan kategori yang berkaitan berdasarkan senarai kategori nilai.

Bagi nilai-nilai yang tidak tergolong di dalam mana-mana kategori, nilai-nilai tersebut direkodkan di dalam kategori nilai-nilai lain (Richard W. Budd *et. al.*, 1967: 44).

Setiap penilai menganalisis 15 teks drama, iaitu tiga teks drama bagi setiap tingkatan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Jumlah drama ini telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan wajib dipelajari oleh semua pelajar. Pada masa yang sama, pengkaji juga menganalisis teks drama tersebut menggunakan tatacara yang sama.

Tiga kali pemeriksaan terhadap senarai kategori nilai dan borang catatan nilai telah dilakukan sehinggalah pemeriksaan yang keempat telah diterima sebagai senarai muktamad kategori nilai (Lampiran B). Proses pemeriksaan ini melibatkan

pengubahsuaian, penggabungan, penambahan dan/atau pengguguran setengah-setengah kategori, berdasarkan persetujuan pendapat para penilai dan nilai pekali kebolehpercayaan antara penilai. Pekali kebolehpercayaan dikira menggunakan formula Scott's pi (Ole Holsti, 1967 : 140) seperti berikut:

$$pi = \frac{(\% \text{ persetujuan yang diperoleh} - \% \text{ persetujuan yang diharapkan})}{1 - \% \text{ persetujuan yang diharapkan}}$$

Nilai pekali kebolehpercayaan untuk senarai muktamad kategori nilai antara pengkaji dengan tiga orang penilai tersebut masing-masing ialah 0.83 dengan penilai pertama, 0.80 dengan penilai kedua dan 0.84 dengan penilai ketiga. Nilai pekali kebolehpercayaan ini dianggap sebagai baik untuk tujuan kajian ini.

## 1.9 KESAHAN KAJIAN

Kesahan dimaksudkan sebagai ketepatan sesuatu instrumen mengukur apa yang hendak diukur. Kesahan dalam analisis kandungan dianggap telah dicapai apabila kategori-kategori telah ditakrifkan dengan teliti serta perhatian telah diberikan terhadap aspek kebolehpercayaan semasa pengekodan (Berelson, 1952: 171; Holsti, 1967 : 142). Kebolehpercayaan penyelidikan ini telah dijelaskan dalam bahagian 1.7 bab ini.

## 1.10 KERANGKA TEORI KAJIAN

Kerangka teori kajian ini berasaskan falsafah akhlak dari perspektif Imam Al-Ghazali. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan falsafah akhlak menurut pandangan Confucius dan Tiruvalluvar yang merupakan tokoh falsafah yang sangat dimuliakan oleh masyarakat Cina dan India.

Al-Ghazali atau nama penuhnya Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali al-Tusi al-Shafi'e dilahirkan di Ghazalah, Tus pada tahun 450 Hijrah/1058 Masehi. Beliau adalah seorang ulama Islam yang terkemuka dalam pembangunan peribadi dan akhlak serta pembelaan-pembelaan keislaman dan digelar *Hujjatul Islam* (pembela Islam), *Alimul Ulama* (doktor keislaman) dan juga *Waritsul Anbiya* (pewaris para Nabi). Sehingga wafatnya pada 505 Hijrah/19 Disember 1111 Masehi ketika berumur 55 tahun, Al-Ghazali telah mengarang ratusan buku kecil dan besar yang meliputi pelbagai disiplin ilmu secara mendalam. Hasil pemikiran dan renungan beliau bukan sahaja diakui oleh dunia Islam, tetapi juga oleh ahli-ahli fikir Barat yang bukan Islam. Tulisan-tulisannya banyak diterjemahkan ke pelbagai bahasa, antaranya bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Turki, Sepanyol, Belanda dan Indonesia. Pandangan-pandangan Al-Ghazali bersumberkan al-Quran, al-Hadith, ijtihad para ulama, pembacaan serta pengalamannya selama berkecimpung dalam bidang keislaman atau kehidupannya sebagai seorang sufi (Hussein Bahreisj, 1981: 9).

Kitab *Ihya Ulumiddin* merupakan karya beliau yang terbesar dan berpengaruh di dunia Islam. Kitab ini menampilkan corak dan ciri utama Islam dalam soal akhlak

sehingga dianggap sebagai salah satu sumber ilmu fikah dan tasawuf (Abdul Salam Yusoff, 2003: 22). Kitab ini juga merupakan kata-kata Al-Ghazali yang paling jelas di samping merupakan ilmu dan kajiannya yang paling unggul (Adil Za'bub, 1993: 53). Berdasarkan alasan-alasan ini, maka dalam membicarakan falsafah akhlak Al-Ghazali, kitab ini merupakan rujukan yang utama di samping kitab-kitabnya yang lain. Pandangan-pandangan dan kupasan-kupasan dari penulis-penulis yang telah membuat analisis tentang pemikiran Al-Ghazali juga digunakan untuk mengukuhkan perbincangan.

Al-Ghazali menggunakan pelbagai nama yang merujuk kepada akhlak, antaranya ialah sifat-sifat hati, rahsia-rahsia amal ibadah, agama dan budi pekerti yang baik (Ali Mohamad, 2001: 100). Menurut Muhammad Abul Quasem (1975), dasar pemikiran Al-Ghazali tentang akhlak banyak dipengaruhi oleh pegangan beliau terhadap tasawuf yang mengutamakan soal-soal kejiwaan dan kebatinan:

*'Ethics, in his opinion, is a study of certain religious beliefs (I'tiqadat), and of rightness and wrongness of action for the purpose of practice, and not for the sake of mere knowledge. Study of action includes the study of actions directed towards God, of actions directed towards one's fellow-man in family and in society, and purification of the soul from vices and of its beautification with virtues.'*

(Muhammad Abul Quasem, 1975: 22)

Akhlak menurut Al-Ghazali ialah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, darinya terbentuk perbuatan dengan mudah, dengan tidak berkehendakkan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Jika keadaan jiwa ini melahirkan perbuatan yang baik dan

terpuji menurut akal dan syariah dinamakan sebagai akhlak yang baik, dan sebaliknya keadaan yang menerbitkan perbuatan-perbuatan yang buruk dinamakan akhlak yang buruk (Al-Ghazali, 1980: 143). Berdasarkan definisi tersebut, keadaan jiwa yang bermaksud akhlak mestilah memenuhi dua keperluan. Keperluan pertama ialah kestabilan dalam tingkah laku atau tingkah laku yang berkekalan. Keperluan yang kedua ialah perlakuan dengan mudah dan spontan. Kedua-dua sifat akhlak inilah juga merupakan sifat yang membentuk ciri-ciri akhlak sama ada baik atau buruk.

Menurut Al-Ghazali, akhlak bukan pengetahuan atau kebolehan untuk melakukan sesuatu perbuatan, dan bukan juga baik atau buruk itu sendiri, tetapi akhlak sebenarnya ialah keadaan kejiwaan yang merupakan punca kepada wujudnya tingkah laku (Mohd. Nasir Omar, 1986: 24). Dalam jiwa manusia terdapat empat pokok keutamaan bagi akhlak iaitu kekuatan ilmu pengetahuan, kekuatan marah, kekuatan nafsu syahwat dan keadilan. Penyederhanaan keempat-empat pokok keutamaan inilah akhlak yang sempurna akan dapat dipancarkan; manakala berlebihan atau kekurangannya akan mengakibatkan akhlak yang cela. Dengan kekuatan ilmu akan dengan mudah dapat mengetahui kebenaran sesuatu perkataan, perbuatan dan kepercayaan. Jika kekuatan ini baik, maka akhlak yang dipancarkan juga adalah baik. Kekuatan marah hendaklah di bawah pengawalan akal dan dapat pula mengekang dan melepasnya menurut batas yang dikehendaki oleh kebijaksanaan. Kekuatan marah yang berlebihan atau kurangnya kekuatan ini akan menyebabkan akhlak menjadi cela. Dari unsur marah akan terbit sifat keberanian atau penakut, bergantung kepada bagaimana unsur marah itu dikawal. Dari keberanian itu timbul kekuatan dan kesabaran untuk menghadapi cabaran-cabaran. Oleh itu, kebijaksanaan menggunakan kekuatan ini pada

tahap yang sederhana akan membawa kepada budi pekerti yang mulia. Kekuatan nafsu syahwat atau kesucian hendaklah berada di bawah kawalan hikmah (kebijaksanaan), iaitu dipimpin oleh akal dan agama. Manakala kekuatan keadilan ialah keupayaan untuk menyalurkan marah dan nafsu syahwat dengan bijaksana, dan dalam melepas atau menahan marah dan nafsu syahwat itu dilaksanakan menurut keperluannya (M. Said, 1980:9). Tegasnya, usaha memperbaiki akhlak adalah usaha menuju keseimbangan berteraskan empat pokok keutamaan tadi.

Menurut Al-Ghazali, kata *jiwa* (nafs) adalah makna am bagi substansi (*jauhar*) yang wujud pada manusia dari segi ianya sebagai hakikat. Jauhar atau substansi ini diberi nama oleh cerdik pandai sebagai jiwa yang berfikir (*nathiqah*). Hati (*qalb*) dan roh yang tenteram adalah nama-nama bagi jiwa yang berfikir. Jiwa yang berfikir adalah substansi yang hidup, dinamik dan menanggapi. Roh yang mutlak atau hati adalah merujuk kepada substansi ini (Hasan Langgulung, 1988: 38-39). Manakala perkataan *khuluq* (akhlak) merupakan gambaran batin seseorang, sementara perkataan *khalqu* pula merupakan sifat lahiriah atau bentuk luaran seseorang. Oleh itu, apabila seseorang dikatakan baik *khuluq* dan *khalqunya* maka ianya bermaksud orang tersebut baik sifat lahiriah dan batiniahnya, dan begitulah sebaliknya.

Al-Ghazali membahagikan sifat-sifat akhlak manusia kepada dua bahagian iaitu sifat mahmudah dan sifat mazmunah. Kedua-dua sifat ini telah dibekalkan oleh Allah kepada setiap manusia melalui fitrah secara semula jadi. Sifat mahmudah ialah sifat yang terpuji atau sifat-sifat baik yang disukai oleh Allah dan Rasul-Nya. Sifat mazmunah ialah sifat buruk dan tercela dan dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya serta

dibenci oleh masyarakat. Pelakunya akan mendapat dosa dan balasan buruk di dunia dan di akhirat. Allah juga telah mengurniakan akal dan nafsu kepada manusia sebagai alternatif untuk kuasa memilih sama ada yang baik atau yang buruk. Kebebasan memilih antara dua jalan ini Allah berikan sepenuhnya kepada manusia dan terpulanglah kepada diri manusia arah mana akan dibawa dirinya sama ada mahmudah atau mazmunah.

Menurut Al-Ghazali akhlak boleh diperbaiki dengan cara bersungguh-sungguh ke arah melakukan perubahan dengan membuang semua kebiasaan yang dikenali oleh syariah sebagai perbuatan yang buruk dan dicela dengan melakukan latihan-latihan jiwa secara sistematik, iaitu membiasakan diri dengan perbuatan-perbuatan yang baik. Semua penyakit keburukan yang dialami oleh jiwa perlu diubati dengan membuang sifat-sifat buruk tersebut sehingga sampai ke tahap sederhana yang terpuji melalui kuasa ilmu pengetahuan. Pengetahuan ini yang merangkumi soal-soal yang berkaitan dengan sifat buruk dan tabiatnya, penyebab-penyebabnya dan akibat yang merugikannya di dunia dan di akhirat perlu dikuasai secara menyeluruh sehingga sampai ke tahap keyakinan yang teguh dalam jiwa.

Ilmu dan amal adalah jalan kebahagiaan dan hendaklah saling melengkapi. Amal adalah menjadi penyempurna ilmu, dan dengan ilmu akan dapat mencapai kesempurnaan kehidupan (Al-Ghazali, 1983: 25). Dengan ilmu akan mendorong kebencian terhadap sifat-sifat buruk dan menimbulkan keinginan untuk melawan penyebab tersebut dengan tindakan amal. Tegasnya, matlamat ilmu ialah untuk beramal



dengannya dan membersihkan amalan agar benar-benar dapat dilakukan dengan penuh keikhlasan.

Al-Ghazali juga memberi penekanan terhadap keseimbangan kehidupan di dunia dan akhirat. Kedua-duanya hendaklah diusahakan tanpa meremehkan salah satu daripadanya. Beliau yang memahami psikologi insan menekankan pengawalan hawa nafsu terhadap kehidupan dunia semata-mata bertujuan untuk mencapai kesederhanaan. Gesaan-gesaan untuk menjauhi dunia ini adalah semata-mata untuk meredakan kecenderungan ke arah maksiat, kemewahan, keangkuhan, yang lumrah pada zaman beliau (Abdul Khaliq, 1994: 626).

Bagi ukuran-ukuran di luar jiwa dalam menentukan baik atau buruk akhlak, Al-Ghazali telah memilih syariah sebagai faktor penentu. Menurutnya, syariah memiliki ukuran tetap dan tekal sepanjang zaman dan sesuai untuk sesiapa sahaja. Jika ukuran baik dan buruk akhlak ditentukan oleh manusia, maka akan berlakulah ketidakpastian dalam penentuan itu. Hal ini demikian kerana apa yang dikatakan baik dan buruk itu berbeza dari seorang ke seorang yang lain, dan malah bagi orang yang sama dalam keadaan atau waktu yang berbeza.

Pengubatan jiwa ialah menghapuskan semua perbuatan keji dan akhlak yang rendah pada jiwa serta menarik segala sifat keutamaan dan akhlak yang baik pada jiwa (Al-Ghazali, 1980: 162). Oleh itu, mengubah akhlak ialah mengubah kemarahan dan nafsu syahwat ke tahap yang sederhana, di mana tahap berlebihan atau kekurangannya tidak memaksa atau mengalahkan akal. Hal ini bermakna, akal yang mengekang kedua-

dua tahap yang ekstrem dalam jiwa manusia. Jika akal tidak cukup kuat untuk mengekang berlebihan atau kekurangan ini, maka manusia akan terdampar kepada perbuatan-perbuatan yang keji. Atas alasan inilah maka Al-Ghazali menyatakan bahawa akal merupakan kekuatan yang paling mulia bagi seseorang insan itu (Al-Ghazali, 1983: 154).

Menurut Al-Ghazali, akhlak boleh diperbaiki atau diubah melalui tiga cara. Pertama, kerana mendapat kurniaan Allah, yang bermaksud akhlak yang baik itu diberikan Allah sewaktu dilahirkan. Mereka diciptakan dengan mempunyai kekuatan marah dan nafsu syahwat yang disederhanakan dan dipimpin oleh akal dan agama. Contoh manusia seperti ini ialah para nabi.

Cara yang kedua ialah melalui latihan-latihan jiwa dengan cara bersungguh-sungguh ke arah melakukan perubahan dari perbuatan buruk kepada yang baik. Latihan-latihan bagi membentuk kebiasaan ini hendaklah diadakan secara beransur-ansur dalam jangka waktu yang lama sehingga ia menjadi sehati dalam jiwa dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai dengan individu yang menerima latihan itu. Dengan latihan-latihan ini, kekuatan marah dan kekuatan nafsu syahwat akan dapat dikembalikan ke tahap sederhana yang terpuji. Latihan-latihan akan menjadikan kebiasaan dan seterusnya kebiasaan akan menjadi tabiat sehingga menjadikan perbuatan yang timbul itu memberikan kepuasan. Merasakan kepuasan tersebut merupakan kriteria bagi mencapai akhlak yang sempurna.

Cara yang ketiga ialah dengan memerhatikan orang-orang yang baik serta bergaul dengan mereka agar dapat memperolehi kebaikan daripada mereka. Sebaliknya jika gemar memerhatikan perkara-perkara yang buruk dan bergaul dengan orang-orang yang buruk akhlaknya, maka akhlak yang buruk akan diperolehinya. Al-Ghazali menganggap kaedah ini merupakan prinsip asas dalam melatih kanak-kanak berkaitan dengan akhlak yang baik kerana kanak-kanak gemar meniru berbanding dengan orang dewasa.

Menurut Al-Ghazali, orang yang melalui salah satu daripada cara-cara yang disebutkan tadi adalah merupakan orang yang mempunyai akhlak yang unggul, sebaliknya orang yang tidak melalui cara-cara tersebut merupakan orang yang jahat atau cacat akalunya. Dengan yang demikian, hal yang memungkinkan seseorang itu memiliki akhlak yang buruk ialah sama ada secara semula jadi atau membentuk sendiri kebiasaan yang buruk ataupun bergaul dengan orang-orang yang buruk akhlaknya.

Dalam usaha untuk memperbaiki akhlak yang buruk, kesedaran mengenai keaiban diri hendaklah diwujudkan dalam diri seseorang individu itu. Al-Ghazali mencadangkan empat kaedah cara-cara untuk mengenal keaiban diri seperti berikut:

1. Mendapat pandangan dan nasihat guru tentang kekurangan diri dan setelah itu berusaha untuk memperbaikinya.
2. Mendapat pandangan dan nasihat dari sahabat yang jujur, berpegang teguh pada agama dan berpandangan jauh. Segala teguran dan nasihat mereka hendaklah didengar dengan teliti serta diterima dengan perasaan yang tabah.

3. Mengambil manfaat daripada cercaan musuh dengan bermuhasabah diri melalui kata-kata yang dilemparkan kepadanya.
4. Bergaul dengan masyarakat dan mengambil iktibar daripada akhlak masyarakat tersebut dengan meneladani akhlak yang baik dan menjauhi akhlak yang buruk.

Apabila seseorang itu sedar tentang sifat-sifat jahat yang wujud dalam dirinya, maka ia hendaklah segera untuk membuangnya dengan meminta pertolongan dari segi bimbingan kejiwaan. Kaedah penyembuhan bagi setiap penyakit kejiwaan ialah dengan membuang substansi dan menghilangkan penyebabnya dengan menggunakan sifat-sifat lawannya. Tegasnya, sifat cela dalam jiwa boleh diubati secara berkekalan jika substansinya dihapuskan. Hal ini hanya boleh disempurnakan dengan membuang penyebab-penyebab sifat cela tersebut.

Al-Ghazali mengintegrasikan akhlak dengan agama. Aspek keimanan membentuk bahagian yang penting dalam falsafah akhlaknya. Semakin kuat keimanan seseorang itu kepada Tuhannya maka semakin baiklah akhlaknya. Menurutnya, pembersihan jiwa atau *Tazkiyah al Nafs* dapat dicapai dengan mengamalkan ibadat-ibadat fardhu dan sunat seperti sembahyang, zakat, puasa, haji, zikir, taffakur, membaca al-Quran dan muhasabah dengan cara dan kaifiyat yang betul. Kalau diamalkan dengan betul, maka hati akan memiliki sifat tauhid, ikhlas, syukur, takut, kasih dan mencintai Allah yang mana akan dapat menghindarkan diri daripada penyakit-penyakit jiwa. Jiwa yang bersih dan suci akan terpancar melalui perbuatan lahiriah yang bersangkutan paut dengan perintah-perintah Allah, hubungan kekeluargaan, hubungan kejiwaan, hubungan

kemasyarakatan, malah hubungan kemanusiaan dan antarabangsa (Hassan Langgulung, 1987: 28-29).

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Al-Ghazali jelas menunjukkan bahawa beliau amat menekankan pembersihan jiwa individu sebagai dasar untuk mencapai kesempurnaan peribadi. Untuk mencapai kesempurnaan peribadi ini merupakan jalan yang panjang dan sukar serta memerlukan kesabaran dan ketabahan yang tinggi. Dengan ilmu akan melahirkan insan yang sempurna yang bermatlamat mendekati diri kepada Allah serta mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Dengan mengenal Allah, seseorang itu akan memusatkan seluruh kepercayaan yang meletakkan Allah sebagai pencipta dan sumber kepada segala kebaikan, kebenaran dan keadilan. Dan dengan yang demikian, maka tujuan akhir daripada kehidupan dan amalan setiap individu adalah untuk mendapatkan keredhaan Allah semata-mata. Hal ini dapat dicapai dengan melakukan ibadat yang dianggap oleh Al-Ghazali sebagai cara untuk melatih dan membersihkan jiwa.

Al-Ghazali juga menekankan peranan institusi keluarga khususnya ibu bapa bagi pembentukan akhlak yang baik. Beliau menganggap bahawa setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci dan nilai-nilai yang diamalkan dalam sesebuah keluarga itu akan menentukan akhlaknya. Oleh yang demikian, dengan memahami adab-adab pergaulan dan hak-hak dalam kehidupan berkeluarga adalah penting bagi pembentukan akhlak dan keutuhan sesebuah keluarga itu.

Menurut Al-Ghazali, peribadi individu merupakan teras dalam hidup kemasyarakatan dan hidup kenegaraan. Masyarakat yang terdiri daripada peribadi individu yang baik dengan sendirinya akan menghasilkan pergaulan umum yang baik. Atas dasar ini Al-Ghazali memberi penekanan terhadap tugas dan kewajipan individu terhadap individu lain dan masyarakat keseluruhannya (Abdul Khaliq, 1994: 626). Beliau menekankan agar setiap anggota masyarakat mengamalkan nilai-nilai kebaikan sosial bagi menghasilkan hubungan yang baik di kalangan mereka sebagai saudara, saling kenal-mengenal, tolong-menolong, dan mencintai antara satu sama lain yang seterusnya akan membawa kepada kedamaian.

Dalam hubungan individu dengan negaranya, selain daripada taat setia kepada ketua negara dan sumbangan yang perlu diberikan oleh rakyat ke arah kebaikan negaranya, Al-Ghazali amat menitikberatkan kepentingan peranan ketua negara yang berpengetahuan sebagai suatu jaminan bagi ketenteraman masyarakat dalam urusan kehidupan mereka menuju ke arah kebahagiaan di dunia dan kesentosaan di akhirat (Abu Bakar Hamzah, 1988: 15). Hal ini demikian kerana menurut beliau seseorang individu itu dapat merealisasikan akhlak yang akan membawa kebaikan kepada negara hanya dalam keadaan negaranya yang tenteram.

Confucius (551 S.M. hingga 479 S.M) merupakan seorang ahli falsafah dan pendidik yang berpengaruh dalam sejarah dan kebudayaan masyarakat Cina. Nama asalnya ialah K'ung Ch'iu (disebut *Kong Chiu*) atau K'ung Fu'tze (disebut *Kong-Fu-zi*) yang bermaksud *Master Kong*. *Lun Yu* atau *Analects*, sebuah karya yang mengumpulkan segala nota dan kata-kata Confucius oleh murid-muridnya selepas beliau

meninggal dunia merupakan sebuah karya yang benar-benar mewakili pemikiran Confucius (Azari Aziz dan Wan Ramli Wan Muhammad, 2002: 2). Pemikiran Confucius ini yang dianggap sebagai pencipta dan pelindung peradaban Cina telah diturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain di kalangan masyarakat Cina sejak 2500 tahun yang lalu, dan sebahagian besarnya masih diamalkan oleh masyarakat Cina pada hari ini (Eow Boon Hin, 2002: 84).

Ajaran Confucius adalah berpusatkan kepada aturan yang betul dalam perhubungan manusia dengan memberi penekanan kepada kebaikan sosial. Beliau menggunakan orientasi kemanusiaan sebagai asas utama dalam pembentukan akhlak, iaitu dengan menganjurkan setiap individu mengamalkan cara hidup yang berpegang teguh kepada nilai-nilai kemanusiaan. Beliau menganggap perkembangan akhlak individu berkait rapat dengan perhubungannya dalam masyarakat di mana setiap perhubungan individu dalam masyarakat akan memberi sumbangan terhadap perkembangan dan pembentukan akhlaknya. Oleh itu, untuk mencapai akhlak yang tinggi seseorang itu hendaklah sentiasa mengamalkan nilai kebaikan sosial semasa berinteraksi dengan anggota masyarakat yang lain dalam persekitarannya (Tu Wei-Ming, 1984: 4-5). Walaupun penglibatan sosial penting kepada penyuburan akhlak, Confucius beranggapan bahawa perkembangan akhlak yang sebenar tumbuh dari keutuhan dan kemuliaan dalaman seseorang individu itu. Beliau telah mengemukakan lima nilai etika iaitu *Ren* (Perikemanusiaan), *Li* (Keserasian), *Xin* (Keikhlasan), *Yi* (Keadilan), dan *Zhi* (Kebijaksanaan) sebagai garis panduan tingkah laku bagi mencapai keadaan moral tertinggi atau bersifat *Junzi*.

Confucius juga menggunakan konsep *Dao* ( Jalan atau Cara) sebagai suatu konsep moral dalam membicarakan akhlak. Beliau menganggap *Dao* sebagai suatu tata tertib moral yang mesti dipatuhi, atau suatu set peraturan etika yang harus diikuti oleh seseorang individu bagi mencapai tahap moral tertinggi dalam kehidupannya. Selain daripada itu, *Dao* juga merujuk kepada suatu corak atau jenis pentadbiran yang paling baik bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Dengan yang demikian, *Dao* merupakan jalan atau cara yang lebih baik daripada jalan-jalan yang lain sebagai satu cara hidup dan cara tindakan bagi seorang individu dan juga bagi sebuah kerajaan. Pelaksanaan prinsip *Dao* melibatkan dua perkara iaitu memahami maksud dan kandungan *Dao* yang melibatkan proses memahami prinsip-prinsip etika yang terlibat, dan bertindak mengikut prinsip *Dao* yang melibatkan proses melaksanakan atau mengaplikasikan prinsip-prinsip *Dao* dalam kehidupan seharian. Sebagai tata tertib etika, prinsip-prinsip moral yang terkandung di dalam *Dao* harus diaplikasikan dalam kehidupan mengikut prinsip-prinsip yang dicadangkan. Keperluan untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip yang dicadangkan merupakan sebahagian daripada maksud suatu tata tertib etika itu. Jika seseorang individu itu mengikut cara *Dao*, maka tindakan itu sudah mencukupi untuk mencapai keadaan moral yang tertinggi atau bersifat *Junzi* (Lok Chong Hoe, 1998: 16-19).

Menurut Confucius, individu yang bersifat *Junzi* mengamalkan sifat *Ren* yang merupakan asas bagi kesempurnaan kehidupan manusia. *Ren* merujuk kepada sifat perikemanusiaan kepada manusia lain yang timbul daripada ketulusan peribadi seseorang (Yves Raguin, 2000: 4). *Ren* diwarisi secara semula jadi dan setiap individu hendaklah memelihara dan menyuburkan sepenuhnya sifat ini dalam diri mereka.



Individu yang mengamalkan sifat *Ren* tidak mengharapkan apa-apa balasan material, sebaliknya segala tindakannya dilakukan atas dasar simpati dan persahabatan antara manusia. Malah individu yang berpegang teguh kepada *Ren* akan sanggup mengabdikan nyawanya demi untuk mempertahankannya (*The Encyclopedia Britanica*, 1978: 1092). Confucius menganggap semua kebaikan yang lain merupakan lanjutan daripada sifat *Ren* ini.

Confucius mementingkan tingkah laku dan kegiatan manusia yang betul berkaitan dengan peraturan dan adat istiadat, iaitu *Li*. Ini adalah berasaskan pandangan beliau bahawa kehidupan manusia yang harmoni dapat dicapai apabila setiap individu faham akan peranannya dan bertindak mengikut kewajarannya (Thomas Hoobler dan Dorothy Hoobler, 1993: 29). Dengan yang demikian, *Li* bukan sahaja merupakan suatu formaliti, tetapi juga merupakan alat yang penting bagi mengukuhkan hubungan sesama manusia. Ianya dapat menyatukan masyarakat kerana jika anggota masyarakat tidak mengikut *Li* dan bertindak mengikut sesuka hatinya, maka masyarakat itu akan hancur dan berpecah.

*Yi* iaitu keadilan atau perbuatan yang berpatutan merupakan kewajipan manusia dan merujuk kepada sesuatu yang mesti dilakukan. Seorang *Junzi* memelihara akhlaknya melalui kombinasi *Yi* dengan *Dao*. Seseorang yang tidak mempunyai kombinasi antara dua sifat ini akan menjadi seorang yang agak kekurangan dari segi akhlaknya. Hal ini bermakna jika seseorang itu melakukan perbuatan-perbuatan adil tetapi tidak memahami maksud *Dao*, maka perbuatannya merupakan sesuatu yang pincang dan orang yang melakukan perbuatan seperti itu hanya mematuhi peraturan

tanpa mengetahui atau memahami alasan-alasan kenapa ia harus melakukan perbuatan seperti itu. Jika seseorang itu hanya memahami *Dao* tetapi tidak terlibat dalam perbuatan adil, maka pengetahuan yang diperolehinya adalah tidak bermakna. Hanya apabila seseorang itu memahami *Dao* dan juga melakukan perbuatan-perbuatan betul, maka ia akan mencapai akhlak yang tertinggi (Lok Chong Hoe, 1998: 18).

Seseorang yang hendak mencapai tahap *Junzi* harus mempunyai *Zhi* iaitu ketajaman akal dalam memahami sesuatu dengan jelas hasil dari pengalaman kehidupan dan pendidikan yang dilalui. *Zhi* sangat penting dalam membimbing seseorang itu dalam masa-masa yang sukar. Di samping itu, *Zhi* juga melibatkan sikap menghormati atau memuliakan orang lain dan keupayaan untuk bertingkah laku mengikut kesesuaiannya (Kirill Ole Thompson, 2000: 84-85). Sebagai unsur yang akan membezakan di antara seorang yang mempunyai peribadi yang tinggi dengan yang mempunyai peribadi yang rendah, *Zhi* penting dalam mencorakkan kehidupan seseorang individu.

*Xin* yang juga dirujuk sebagai “akal dan jiwa” adalah unsur dalaman seseorang yang meliputi fakulti intelektual dan afektif. Oleh kerana *Xin* adalah kuasa dalam diri yang mempunyai sifat-sifat semulajadi pemikiran dan perangai seseorang, maka ia hendaklah dididik dan dikembangkan ke arah *Li*, *Ren*, *Yi* dan *Zhi*. Dengan yang demikian, melakukan kebaikan akan menjadi kebiasaan dan membentuk sifat seseorang individu itu. Sebaliknya, kejahatan bukanlah sifat manusia secara semula jadi tetapi disebabkan kegagalan manusia untuk mengelakkan diri daripada pengaruh-pengaruh luaran yang jahat (Yves Raguin, 2000: 13).

Kelima-lima nilai kebaikan yang dianjurkan oleh Confucius adalah tidak terpisah tetapi saling melengkapi dan mengukuhkan antara satu sama lain. Penghayatan kelima-lima nilai kebaikan ini secara sepadu akan membezakan di antara individu yang mempunyai akhlak yang baik atau *Junzi* dengan yang rendah akhlaknya. Bagi mencapai tahap seorang *Junzi* memerlukan seseorang itu berusaha untuk mempelajarinya di samping pengulangan atau kebiasaan untuk melakukan kebaikan sehingga berbuat baik menjadi sebahagian daripada tabiat atau tingkah laku (Tu Wei-Ming, 1984: 4).

Menurut Confucius, pendidikan untuk mencapai keadaan moral tertinggi hendaklah dalam bentuk latihan yang sesuai, sempurna dan mencukupi supaya tingkah laku tersebut menjadi kebiasaan. Beliau berpendapat bahawa suatu rancangan pendidikan yang lengkap bukan sahaja mengajar tentang perkara-perkara yang menjadi kewajipan moral, tetapi juga tentang konvensi sosial (adat dan peraturan yang lazim dipakai) secara lengkap. Dengan yang demikian, seseorang yang berpendidikan bukan sahaja bertindak secara moral, tetapi juga beradab dan bersopan. Dengan memberi penekanan kepada konsep *Li*, individu yang seimbang akan dapat dihasilkan (Lok Chong Hoe, 1998: 102).

Ajaran Confucius amat menitikberatkan institusi keluarga sebagai asas penting kehidupan sosial. Dalam lingkungan keluarga seseorang individu itu mencapai potensi diri yang sepenuhnya. Beliau menekankan kepentingan setiap ahli keluarga memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai asas keharmonian keluarga. Sebagai jambatan yang menghubungkannya dengan masyarakat luar, apa yang berlaku dalam keluarga memberi kesan terhadap masyarakat dan negara. Hal ini demikian

kerana menurut Confucius hubungan di luar keluarga seperti masyarakat dan negara adalah dianggap selaras dengan hubungan di dalam keluarga (Soo Chin Wah, 2001: 311).

Seperti Al-Ghazali, Confucius juga beranggapan bahawa hidup kemasyarakatan akan menjadi lebih baik jika anggotanya terdiri daripada *Junzi* atau peribadi agung. Beliau memberi penekanan kepada *Ren* yang mampu mendirikan asas yang kukuh bagi sesebuah masyarakat. Setiap anggota masyarakat hendaklah meletakkan tanggungjawab kepada masyarakat melebihi hak dan keistimewaannya sendiri (*The New Encyclopedia Britanica*, 1978: 1098). Kedudukan dan status sosial seseorang individu dalam masyarakatnya ditentukan melalui peranan dan sumbangannya kepada masyarakat. Dengan berpandukan *Dao* sebagai dasar seluruh hubungan sosial maka ketertiban dan keharmonian masyarakat akan dapat dicapai.

Dalam aspek kewarganegaraan, di samping mengamalkan nilai-nilai etika yang dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni di kalangan warganegara, Confucius amat menekankan warganegara yang berpengetahuan agar dapat berperanan dengan berkesan ke arah kebaikan negaranya. Menurutnya, kewujudan sesebuah negara itu adalah untuk kepentingan rakyat dan bukan sebaliknya; dan dalam hal ini peranan pemerintah adalah penting bagi kebaikan sesebuah negara. Hak untuk memerintah bergantung kepada keupayaan untuk membuat orang yang diperintah berasa gembira. Keadaan ini bergantung kepada ciri-ciri kebaikan dan kebolehan seseorang itu. Lantaran itu, sesiapa sahaja yang memiliki kebaikan dan kebolehan tersebut akan dapat memimpin dengan

baik. Dengan yang demikian juga kesetiaan rakyat kepada pemerintah yang baik adalah perlu.

Tiruvalluvar, seorang ahli falsafah India, kira-kira 2000 tahun yang lalu telah menghasilkan *Tirukkural* yang merupakan sebuah karya penting dan disanjung tinggi oleh orang-orang Tamil. Ia dianggap sebagai *marai* (bermaksud kitab dalam bahasa Tamil) dan juga dikenali sebagai *Bible of the Tamil Land* (Sivachandralingam Sundra Raja dan Ayadurai Letchumanan, 1999: 510). *Thirukkural* merupakan satu-satunya karya etika yang disanjung tinggi kerana kewibawaan ajarannya yang bersifat universal di kalangan masyarakat Tamil. Nilai-nilai yang diperkatakan dalam karya ini sesuai untuk semua golongan masyarakat sebagai peraturan hidup kepada orang-orang Tamil (G. Sivapalan *et. al.*, 2001: 266).

Menurut Tiruvalluvar, akhlak lahir daripada jiwa dan pemikiran seseorang. Kesucian jiwa merupakan asas yang akan mencorakkan perlakuan yang mulia (K.C. Kamaliah, 1973: 130). Akhlak yang mulia wujud dari keadaan kejiwaan yang berupaya mengawal pengendalian diri seseorang manusia itu. Manusia yang berupaya mengendalikan diri dan hawa nafsunya akan membawa kepada kebahagiaan, sebaliknya kegagalan pengendalian diri akan dikuasai oleh kejahatan yang membawa kepada penderitaan dan kemusnahan. Oleh itu, setiap manusia haruslah memahami dan menguasai sifat pengendalian dirinya. Sifat ini juga mempunyai pengaruh terhadap mental sebagai motivasi bagi melahir dan memupuk kesungguhan, keyakinan diri dan ketabahan demi untuk mencapai keyakinan diri. Apabila seseorang manusia itu mampu mengawal dirinya melalui pemikiran yang rasional, nescaya ia tidak akan terlibat dalam

sebarang bentuk aktiviti yang tidak bermoral. Manusia yang berupaya mengendalikan diri juga akan dapat mengenal diri serta keupayaannya. Dengan yang demikian akan dapat membantu diri seseorang itu untuk merancang hidupnya demi mencapai kecemerlangan dan kesempurnaan (Persatuan Hindu Universiti Malaya, 1999: 172).

Untuk mencapai tahap pengendalian diri yang sempurna, Tiruvalluvar menekankan penguasaan ilmu tentangnya. Ilmu yang ditimba perlu diamalkan ke arah kebenaran dengan pengendalian diri dan moral yang tinggi. Malah, sekiranya manusia itu dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian maka sifat pengendalian diri yang ada padanya itu akan menjadi lebih bermakna.

Pancaindera harus berfungsi mengikut kehendak manusia dan bukan manusia berfungsi mengikut pancaindera. Oleh itu, pengetahuan tentang sifat-sifat pancaindera serta cara-cara untuk mengendalikannya dengan sebaik yang mungkin adalah penting. Akhlak yang buruk adalah disebabkan oleh kegagalan seseorang itu untuk mengawal kelima-lima derianya iaitu mulut, hidung, telinga, mata dan kulit yang mana daripada unsur-unsur ini akan menimbulkan keinginan dan nafsu. Menurut Tiruvalluvar, kejayaan manusia mengatasi nafsu dan keinginan adalah merupakan harta yang paling bernilai kerana sememangnya manusia tidak akan berpuas hati dengan apa yang ada pada mereka. Keadaan inilah sebenarnya perasaan nafsu dan harus disedari oleh manusia. Oleh itu, mereka perlu mengalih pandangan serta pemikiran untuk mencapai kesempurnaan dan bukan hanya memenuhi kehendak nafsu. Dalam hal ini, Tiruvalluvar mencadangkan agar usaha-usaha untuk mengikis nafsu dalam diri mereka dilakukan secara beransur-ansur (Persatuan Hindu Universiti Malaya, 1999).

Jika manusia memberi keutamaan kepada nafsu maka manusia tidak akan gentar untuk melakukan apa sahaja walaupun ianya akan mendatangkan kesan yang buruk kepada dirinya sendiri mahupun kepada orang lain. Sebaliknya manusia yang dapat mengikis nafsu daripada dirinya dianggap telah mencapai tahap *moksha* atau kesejahteraan yang hakiki (S. Gopalan, 1979: 67). Oleh itu, manusia perlu mengawal keinginan yang ditimbulkan oleh pancainderanya daripada dinodai. Sekiranya manusia berpegang teguh kepada sifat-sifat mulia tanpa memberi laluan kepada sifat-sifat yang dapat menodai hidupnya maka akan terserlahlah kehidupannya di dunia dan di akhirat. Keupayaan mengawal pancaindera inilah dimaksudkan sebagai pengendalian diri oleh Tiruvalluvar.

Menurut Tiruvalluvar, keinginan yang berpatutan dan berasaskan rasional haruslah sentiasa diamalkan dalam kehidupan seharian agar seseorang itu tidak mencapai tahap kelahiran semula atau tidak mengalami penderitaan yang berterusan. Keinginan yang baik merupakan keinginan yang digalakkan dan cara pencapaiannya harus berlandaskan lunas-lunas keadilan. Sebaliknya, keinginan yang keterlaluan akan menjadi batu penghalang kepada kebahagiaan yang hendak dicapai.

Amalan akhlak yang mulia hendaklah merupakan proses yang berterusan. Dalam melalui proses ini seseorang itu hendaklah sentiasa mengelakkan dirinya daripada melakukan empat perkara utama iaitu iri hati, mengikut nafsu, marah dan kata-kata kesat (K.C. Kamaliah, 1973: 133-134). Sebaliknya, Tiruvalluvar mencadangkan agar seseorang itu bergaul dan mencontohi tingkah laku orang-orang yang alim dan

mulia. Melalui interaksi dengan orang-orang yang sedemikian, seseorang insan itu akan memperoleh ilmu, nikmat, dan faedah daripadanya.

Seperti al-Ghazali dan Confucius, Tiruvalluvar menekankan perkembangan sifat moral individu terlebih dahulu sebelum dapat berhubung dengan baik dengan dunia luarnya. Hanya individu yang berkebudayaan, bertamadun dan matang dari segi moral dan rohani bersedia melibatkan diri dalam hal ehwal kehidupan umum dan politik. Menurutnya manusia tidak statik; dan manusia yang berakhlak mulia sentiasa berkembang berasaskan belas kasihan dan cinta yang dimanifestasikan melalui kata-kata yang manis dan tindakan yang wajar. Apabila manusia mencapai tahap cinta sejagat (*arul*), maka mereka akan menjauhkan diri daripada menyakitkan hati orang lain, tipu daya, kemarahan dan pembunuhan (R. Rajakrishnan dan M. Rajantheran, 1994: 95). Sebaliknya cinta atau perasaan kasih sayang menjadi asas untuk melakukan perkara-perkara yang baik kepada keluarga, masyarakat, dan negara.

Tiruvalluvar mementingkan kehidupan berkeluarga yang dilimpahi dengan kasih sayang yang diibaratkannya sebagai syurga dunia.. Hal ini dapat dicapai apabila ketua keluarga dapat memainkan peranan dengan berkesan, tidak bersikap cemburu serta dapat mengelakkan berlakunya fitnah dan umpatan terhadap keluarganya.

Sebagai ajaran yang sesuai untuk semua golongan manusia, Tiruvalluvar amat menekankan kehidupan bermasyarakat yang saling membantu, bersatu padu, jujur, berperikemanusiaan dan berteraskan keadilan kerana menurutnya kehidupan yang sedemikian adalah lebih bermakna serta membawa faedah bersama. Dalam hal-hal



kenegaraan dan politik pula, beliau menyatakan bahawa warganegara yang berbudi adalah diperlukan dalam pengendalian organisasi politik yang teratur. Perlembagaan negara perlu diberi penghormatan dan perlindungan yang sewajarnya untuk mengelakkan manusia yang kejam dan bersifat keji daripada mengganggu ketenteraman orang lain (Persatuan Hindu Universiti Malaya, 1999).

## 1.11 RUMUSAN

Bab ini mengemukakan senario dalam sistem pendidikan negara bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa. Seajar dengan keperluan masa kini, penekanan terhadap nilai-nilai murni kehidupan merupakan agenda utama dalam sistem pendidikan. Oleh kerana sastera boleh memberi sumbangan yang besar bagi mencapai matlamat pendidikan, maka kajian ini akan melihat kecenderungan teks Komponen Kesusasteraan Melayu genre drama dalam menampilkan nilai-nilai murni. Turut dihuraikan ialah objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, dan prosedur kajian. Manakala kerangka teori kajian digunakan sebagai landasan untuk membincangkan data kajian.